

Hukum pelaku sebagai pengajaran

Aksi gurauan mesin basuh

MUKADIMAH

5 SOALAN

PERUDAHAN gurauan melampau seorang bapa saudara menyebabkan seorang kanak-kanak lelaki terpeyangkap hampir 10 minit apabila disambut ke dalam mesin basuh pelakan sebuah dlobi layan di Iddi Buddi Seremban, Kawang, Selangor, kelmarin tidak patut dibicarakan.

Istemin, Puan Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **PROF. DR. DATUK NOOR AZIAH MOHD. AWAL**, menjelaskan kepada wartawan *Utusan Malaysia*, **FAHIANA JONI** mengenai sejauh mana hak kanak-kanak dilindungi di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.



UTUSAN: Apakah hak kanak-kanak di negara ini betul-betul dilindungi di bawah Akta Kanak-Kanak 2001?

NOOR AZIAH: Sebenarnya peruntukan undang-undang itu telah meletakkan golongan kanak-kanak pada kedudukan paling selamat kerana skopnya yang begitu komprehensif dengan memberi hukuman berat kepada si pelaku, termasuk ibu bapa dan ahli keluarga serta mereka yang sama usia.

Adakah akta tersebut membolehkan kanak-kanak terbabit mendakwa si pelaku yang menganiaya mereka walaupun atas niat bergurau dalam kalangan ibu bapa atau keluarga?

Ya, akta itu memberi ruang kepada kanak-kanak terbabit untuk melakukan tindakan tersebut termasuk kepada ibu bapa dan penjaga yang menganiaya atau mencederakan mereka, cuma belum ada lagi kes sedemikian dilaporkan di Malaysia.

Dalam hal ini, mungkin budaya didikan dan asuhan negara kita berbeza dengan luar negara iaitu anak-anak perlu patuh serta mengikut telunjuk orang tua hingga takut mempertahankan dan menyuarakan hak sendiri.

Jadi, bagaimana untuk memastikan kanak-kanak ini dilindungi daripada perbuatan diabaikan, dianiaya dan dcederakan?

Masyarakat seperti jiran tetangga atau golongan netizen kena memainkan peranan dengan membuat aduan kepada pihak berkuasa apabila mengetahui terdapat perbuatan sedemikian dilakukan terhadap kanak-kanak.

Bukan menyibuk, tetapi se-

bagai langkah untuk memupuk budaya prihatin dalam kalangan masyarakat di negara ini, kerana saban hari perbuatan tidak senonoh dilihat semakin menjadi-jadi seperti kes semalam, bermula dengan niat ingin bergurau tetapi kesannya cukup membahayakan keselamatan kanak-kanak.

Adakah Prof. bersetuju sekiranya pihak pengadu menarik semula laporan polis atas alasan menyelesaikan kes di luar mahkamah?

Sejujurnya, saya tidak setuju kerana tindakan itu akan menggalakkan pihak lain untuk melakukan perbuatan yang sama pada masa hadapan. Kali ini bergurau letak anak saudara, tidak mustahil esok lusa meletakkan emak ayah atau kes buang bayi dalam mesin basuh.

Jadi, atas alasan apa sekali pun hukuman perlu dilaksanakan terhadap si pelaku sebagai pengajaran dan teladan kepada pihak lain. Tidak boleh penjara, mungkin boleh dikenakan program khidmat masyarakat.

Apakah cadangan Prof. untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan kanak-kanak di negara ini?

Tahap keselamatan kanak-kanak di negara ini sebenarnya masih belum mencukupi kerana banyak lagi perkara yang terlepas pandang terutama dalam aspek kemudahan dan infrastruktur, walaupun di rumah sendiri.

Banyak perkara yang bermanfaat dari negara lain boleh kita contohi seperti penyediaan pengasuh mengikut jam dan waktu bekerja ibu bapa tidak sama bagi membolehkan mereka memantau keselamatan anak-anak.